

28/08/1997

Kelantan perkenal gagasan anjakan budaya

KOTA BHARU Rabu - Umno Kelantan memperkenalkan gagasan 'anjakan budaya' yang menekankan kepada budaya perpaduan di kalangan ahlinya sebagai persediaan menghadapi cabaran menjelang tahun 2000.

Timbalan Pengerusinya, Datuk Annuar Musa, berkata penekanan terhadap anjakan budaya itu penting kerana ia menjadi kunci kepada cita-cita parti itu menawan semula Kelantan menjelang pilihan raya umum akan datang.

Perkara itu antara perkara utama menjadi intipati dalam Konvensyen Umno Kelantan bertemakan 'Semarakkan Iltizam Ke Arah Perubahan' yang akan berlangsung dua hari, mulai esok.

Penutup konvensyen itu akan disempurnakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan sempena perhimpunan rakyat, di Sekolah Menengah Cherang Ruku, Semerak, Pasir Puteh, Jumaat ini.

"Konvensyen itu menjadi titik tolak kepada perjuangan baru Umno di Kelantan yang bakal menggariskan pelbagai agenda bertindak ke arah mengembalikan Kelantan," katanya kepada Berita Harian, di sini hari ini.

Beliau berkata, Umno yakin perpaduan yang lebih mantap dapat diwujudkan jika seluruh ahli parti menolak nilai-nilai negatif dan menukarnya dengan nilai baru yang progresif.

Kira-kira 1,400 peserta, termasuk 600 ahli Umno tiga peringkat membabitkan bahagian, Pemuda dan Wanita dari seluruh negeri akan menyertai konvensyen itu.

Konvensyen itu juga dianggap terbesar pernah diadakan di negeri ini dengan membabitkan penyertaan pelbagai pihak, termasuk pertubuhan bukan kerajaan, media massa dan akademik bagi mengupas secara terbuka budaya politik Kelantan.

Annuar yang juga Menteri Pembangunan Luar Bandar, berkata dalam konvensyen itu tujuh perkara akan didokumenkan sebagai tindakan ke arah perubahan politik Umno Kelantan terkandung dalam 'Deklarasi Semerak'.

"Selain itu pada konvensyen itu juga akan membincangkan 10 cabaran yang antara lain termasuk agenda pembangunan negeri Kelantan dan budaya politik baru (anjakan budaya) Umno Kelantan.

"Di bawah tajuk perubahan budaya politik di Kelantan, ada 15 sistem nilai bakal dibincang dan perlu menjadi perhatian dan amalan ahli Umno ke arah mencapai kejayaan," katanya.

(END)